



GARIS PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR SESI 2022/2023

KOLEJ PROFESIONAL MARA (KPM)

&

KOLEJ MARA (KM)

BAHAGIAN PENDIDIKAN TINGGI MARA
TARIKH KEMASKINI: 10 NOVEMBER 2022



TINGKAT 12, BANGUNAN IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
03-26134074 / 4075 / 4076 / 4077
upim.bpt@mara.gov.my
@hiedumara

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Isi Kandungan	2
Latar Belakang	3
Objektif	3
Glosari	3
1. UMUM	4
2. KEBERADAAN PELAJAR	4
3. STATUS VAKSINASI	4
4. KEBENARAN MASUK KE KOLEJ	4
5. PERGERAKAN PELAJAR PULANG KE KOLEJ	4-5
6. PENGINAPAN PELAJAR DI ASRAMA / KAMSIS	5
7. PENGURUSAN PELAJAR BERGEJALA	5
8. PENGURUSAN PELAJAR DISAHKAN POSITIF COVID-19	5
9. PENGURUSAN PELAJAR SEBAGAI KONTAK RAPAT KEPADA PESAKIT COVID-19	6
10. PERGERAKAN KELUAR MASUK PELAJAR SERTA LAWATAN IBU BAPA ATAU PENJAGA	6
11. PEMAKAIAN PELITUP MUKA	6
12. AKTIVITI RIADAH DAN KOKURIKULUM	7
13. AKTIVITI KEROHANIAN	7
14. AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)	8
15. PENGURUSAN PENTAKSIRAN DAN PEPERIKSAAN	8
16. MENJALANI LATIHAN INDUSTRI	8
17. PEMATUHAN KEPADA SOP SEPANJANG BERADA DI KOLEJ	9
18. LAIN-LAIN PERKARA	9
Penutup	10
Lampiran	11-13

LATAR BELAKANG

Garis Panduan Kemasukan Pelajar Kolej Profesional MARA (KPM) dan Kolej MARA (KM) ini dikeluarkan berdasarkan MySOP: Prosedur Operasi Standard (SOP) #ReopeningSafely yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan juga lain-lain syarat serta keperluan tambahan bagi melindungi warga Institusi Pendidikan MARA (IPMA).

OBJEKTIF

Objektif garis panduan ini adalah untuk memastikan:

- i. pengurusan kolej dan asrama dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan lancar;
- ii. persekitaran kolej yang selamat bagi menjamin kesihatan dan keselamatan para pelajar sepanjang mereka berada di kolej dan asrama; dan
- iii. proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan dalam keadaan selamat dan kondusif.

GLOSARI

BPT	: Bahagian Pendidikan Tinggi MARA
KKM	: Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	: Kolej Profesional MARA
KM	: Kolej MARA
PdP	: Pengajaran dan Pembelajaran
PKD	: Pejabat Kesihatan Daerah
SOP	: Prosedur Operasi Standard
UPP	: Unit Peperiksaan dan Penilaian

1. UMUM

- 1.1. Semua aktiviti dibenarkan dengan penggunaan 100% kapasiti ruang. Penjarakan fizikal antara individu atau kumpulan **tidak diperlukan**.
- 1.2. Ibu bapa atau penjaga perlu memantau kesihatan anak/anak jagaan dan tidak menghantar mereka ke kolej **jika tidak sihat**.
- 1.3. Ibu bapa atau penjaga perlu memastikan anak/anak jagaan membawa pelitup muka ke kolej.
- 1.4. Mengikut panduan dan saranan pemakaian pelitup muka oleh KKM, pemakaian pelitup muka hanya diwajibkan di dalam bangunan dan digalakkan apabila di luar bangunan atau kawasan terbuka.
- 1.5. Individu yang berstatus '**Risiko Rendah**' **dibenarkan** memasuki kawasan kolej.
- 1.6. Pelajar, ibu bapa atau penjaga yang berstatus '**Risiko Tinggi**' dalam MySejahtera dan mereka yang sedang menjalani Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah [Home Surveillance Order (HSO)] **dilarang** memasuki kawasan kolej.

2. KEBERADAAN PELAJAR

- 2.1. Pelajar yang **sihat atau tidak bergejala dan tidak positif COVID-19** perlu hadir atau kembali atau berada di kolej bagi menjalani sesi pengajian secara bersemuka.
- 2.2. Ibu bapa atau penjaga perlu memaklumkan kepada pihak kolej jika pelajar tidak dapat hadir disebabkan COVID-19 atau dalam tempoh menjalani kuarantin.

3. STATUS VAKSINASI PELAJAR

- 3.1. Semua pelajar yang telah lengkap divaksin ATAU belum lengkap divaksin ATAU menolak untuk divaksin **dibenarkan** kembali dan berada di dalam kolej bagi mengikuti pengajian seperti biasa.

4. KEBENARAN MASUK KE KOLEJ

- 4.1. Pelajar yang sihat atau tidak bergejala sahaja dibenarkan masuk ke kolej dengan syarat tiada ahli keluarga yang tinggal serumah sedang menjalani kuarantin.
- 4.2. Pelajar yang tidak lengkap atau menolak vaksin dibenarkan masuk ke kolej.
- 4.3. Pelajar perlu menyerahkan borang perakuan status kesihatan kepada pihak kolej dan menunjukkan bukti status pada aplikasi MySejahtera jika diminta berbuat demikian.

5. PERGERAKAN PELAJAR PULANG KE KOLEJ

- 5.1. Pelajar dibenarkan balik ke kolej dengan kenderaan waris atau pengangkutan diuruskan oleh kolej atau kenderaan awam.
- 5.2. Pelajar yang menggunakan pengangkutan yang diuruskan oleh kolej dan kenderaan awam perlu mematuhi SOP yang ditetapkan termasuk memakai pelitup muka sepanjang berada di dalam kenderaan.

- 5.3. Hanya pelajar yang bergejala perlu menjalani ujian saringan COVID-19 sebelum kembali ke kolej.
- 5.4. Setelah kembali ke kolej, pelajar tidak perlu menjalani proses kuarantin. Proses kuarantin hanya dikenakan kepada pelajar yang didapati positif COVID-19 sahaja.

6. PENGINAPAN PELAJAR DI ASRAMA / KAMSIS

- 6.1. Pelajar tidak lengkap atau menolak vaksin boleh ditempatkan di bilik bersama-sama pelajar lengkap vaksin **ATAU** berasingan bergantung kepada pihak pengurusan kolej masing-masing.

7. PENGURUSAN PELAJAR BERGEJALA

Pelajar yang bergejala sahaja perlu jalani ujian sendiri COVID-19; Jika:

- 7.1 **POSITIF** - pelajar akan diasingkan di bilik Isolasi dan dalam pemantauan selama 5 hari. Pada hari ke-4 pelajar dibenarkan buat ujian sendiri sekali lagi dan sekiranya keputusan negatif perlu rujuk pihak berkenaan bagi menentukan status pelajar bebas kuarantin atau masih kekal kuarantin.
- 7.2 **NEGATIF** - pelajar tidak perlu dikuarantin tetapi pelajar perlu memakai pelitup muka setiap masa, mengelakkan daripada berada di tempat sesak; dan mengelakkan interaksi dengan kumpulan berisiko tinggi.

8. PENGURUSAN PELAJAR DISAHKAN POSITIF COVID-19

Pihak kolej hendaklah mengambil tindakan segera seperti berikut:

- 8.1. mengasingkan pelajar di bilik isolasi;
- 8.2. memaklumkan kepada ibu bapa atau penjaga;
- 8.3. memastikan pegawai yang menguruskan pelajar memakai pelitup muka dan digalakkan memakai sarung tangan pakai buang, menjaga penjarakan fizikal serta kerap mencuci tangan;
- 8.4. memantau dan mengawal pergerakan pelajar;
- 8.5. bagi pelajar yang tidak menginap di asrama, perlu menjalani proses kuarantin di rumah masing-masing. Pelajar dilarang sama sekali berada di kolej sepanjang tempoh kuarantin;
- 8.6. bagi pelajar asrama, pelajar perlu menjalani pengasingan di bilik isolasi dan dibenarkan pulang menjalani pengasingan di rumah dengan permohonan dan persetujuan ibu bapa atau penjaga. Tempoh pengasingan adalah berdasarkan ketetapan semasa KKM;
- 8.7. melaporkan secara berkala kepada Bahagian Pendidikan Tinggi MARA jumlah pelajar positif;
- 8.8. menguruskan makanan dan minuman untuk pelajar yang kuarantin;
- 8.9. memantau kesihatan pelajar dua(2) kali sehari dan segera hubungi PKD berhampiran jika kesihatan pelajar semakin serius.

9. PENGURUSAN PELAJAR SEBAGAI KONTAK RAPAT KEPADA PESAKIT COVID-19

9.1. Pelajar yang **TIDAK BERGEJALA** tidak perlu diasingkan atau melaksanakan ujian sendiri. Pelajar perlu mengamalkan langkah-langkah pencegahan dalam tempoh tiga(3) hingga lima(5) hari seperti berikut:

- 9.1.1. sentiasa memakai pelitup muka;
- 9.1.2. mengelakkan daripada berada di tempat sesak;
- 9.1.3. mengelakkan interaksi dengan kumpulan berisiko tinggi;
- 9.1.4. memastikan pengudaraan yang baik; dan
- 9.1.5. kerap basuh tangan dengan air dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer*.

9.2. Bagi pelajar yang **BERGEJALA**, pihak kolej hendaklah mengambil tindakan segera seperti berikut:

- 9.2.1. mengasingkan pelajar di bilik isolasi;
- 9.2.2. pastikan pelajar yang bergelaja sentiasa memakai pelitup muka;
- 9.2.3. melaksanakan ujian sendiri. Digalakkan menjalani ujian pada hari gejala bermula (*onset*) dan seterusnya pada hari ketiga. Jika mana-mana keputusan ujian negatif dan gejala berkurangan, pelajar boleh melakukan aktiviti luar;
- 9.2.4. jika positif, rujuk **perkara 8**; dan
- 9.2.5. kenal pasti kawasan atau bilik yang perlu dibersihkan dan pihak kolej akan melakukan disinfeksi dengan segera jika berlaku kes mengikut Garis Panduan KKM.

10. PERGERAKAN KELUAR MASUK PELAJAR SERTA LAWATAN IBU BAPA ATAU PENJAGA

10.1. Pelajar dibenarkan untuk pulang bermalam. Pelajar yang masuk ke kolej (pulang bermalam atau cuti semester) tidak perlu dikuarantin. Namun pelajar perlu mengisi borang pengesahan status kesihatan untuk rujukan kolej. Jika bergejala perlu menjalani ujian sendiri.

10.2. Ibu bapa atau penjaga dibenarkan melawat anak/anak jagaan di asrama berdasarkan peraturan yang ditetapkan dengan mematuhi perkara berikut:

- 10.2.1. memakai pelitup muka ketika berada di dalam bangunan atau ruang tertutup; dan
- 10.2.2. memakai pelitup muka semasa di luar bangunan atau kawasan terbuka adalah amat digalakkan.

11. PEMAKAIAN PELITUP MUKA

- 11.1. Semua individu hendaklah memakai pelitup muka pada setiap masa ketika berada dalam bangunan.
- 11.2. Pengecualian pemakaian pelitup muka hanya dibenarkan dalam keadaan berikut:
 - 11.2.1. bersendirian;
 - 11.2.2. semasa aktiviti sukan dan rekreasi termasuk aktiviti ko kurikulum;
 - 11.2.3. ketika sedang berucap dan membuat persembahan;
 - 11.2.4. sewaktu makan dan minum;
 - 11.2.5. pensyarah yang mengajar di hadapan kelas;
 - 11.2.6. individu berkeperluan khas yang tidak mampu menguruskan diri dan tingkah laku; dan
 - 11.2.7. individu mempunyai masalah pernafasan (dengan syarat mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar).
- 11.3. Pemakaian pelitup muka semasa di luar bangunan atau kawasan terbuka **adalah amat digalakkan.**

12. AKTIVITI RIADAH DAN KOKURIKULUM

- 12.1. Pelajar/Pensyarah/Jurulatih/Pengajar yang bergejala tidak dibenarkan menyertai aktiviti sukan dan kokurikulum.
- 12.2. Aktiviti sukan dan kokurikulum secara bersemuka boleh dilaksanakan secara individu dan berkumpulan atau berpasukan di kawasan terbuka dan ruang tertutup.
- 12.3. Pemakaian pelitup muka adalah berdasarkan kepada kesesuaian aktiviti.
- 12.4. Pelaksanaan aktiviti di ruang tertutup atau di dewan mestilah mempunyai sistem pengudaraan yang baik dan mempertimbangkan faktor risiko penjarakan, tempoh masa dan pemakaian pelitup muka
- 12.5. Penganjuran aktiviti kokurikulum secara bersemuka dibenarkan sama ada di peringkat kolej, zon atau kebangsaan dengan mematuhi garis panduan dan SOP yang ditetapkan.
- 12.6. Bagi aktiviti peringkat zon, kebangsaan atau antarabangsa, pihak kolej perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) MARA terlebih dahulu.
- 12.7. Pihak kolej adalah bertanggungjawab bagi memastikan semua garis panduan dan SOP aktiviti kokurikulum dipatuhi sepanjang masa.

13. AKTIVITI KEROHANIAN

- 13.1. Pelaksanaan aktiviti kerohanian yang melibatkan kehadiran penceramah luar adalah dibenarkan.
- 13.2. Aktiviti solat berjemaah dan kerohanian dibenarkan di surau kolej berdasarkan SOP yang ditetapkan oleh Majlis Agama Negeri masing-masing.

- 13.3. Pelajar kolej dibenarkan untuk melaksanakan solat Jumaat di masjid berhampiran.
- 13.4. Bagi kolej yang menyediakan kemudahan solat Jumaat di surau, kebenaran diberikan kepada komuniti luar untuk masuk ke kolej bagi menunaikan solat Jumaat dengan pematuhan SOP yang ditetapkan.

14. AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

- 14.1. PdP dilaksanakan **secara bersemuka** bagi semua pelajar - lengkap atau tidak lengkap atau tolak vaksin.
- 14.2. Semua aktiviti PdP di dalam kelas / makmal / dewan boleh menggunakan 100% kapasiti ruang. Penjarakan fizikal antara individu atau kumpulan tidak diperlukan.
- 14.3. Pematuhan kepada SOP perlu dilaksanakan sepanjang PdP dengan pemantauan dan penguatkuasaan oleh pensyarah.
- 14.4. PdP secara dalam talian masih boleh dilaksanakan bagi pelajar yang dikuarantin atau berada di rumah atas sebab positif atau bergejala.
- 14.5. Pemantauan perlu dilaksanakan bagi memastikan tiada berlaku keciciran dalam kalangan pelajar dan mereka dapat segera kembali semula mengikut PdP secara fizikal di kolej.
- 14.6. Aktiviti penyelidikan yang melibatkan kemudahan makmal / bengkel dan peralatan khas yang berkeperluan dibenarkan mengikut SOP yang ditetapkan.

15. PENGURUSAN PENTAKSIRAN DAN PEPERIKSAAN

- 15.1. Ujian, penilaian berterusan dan peperiksaan dilaksanakan **secara fizikal** di kolej kepada semua pelajar;
- 15.2. mengikut peraturan yang dinyatakan di dalam Peraturan Akademik KPM dan KM serta garis panduan peperiksaan KPM dan KM yang sedang berkuatkuasa; dan
- 15.3. bagi pelajar yang menduduki peperiksaan antarabangsa dan badan profesional di KPM dan KM dibenarkan mengikut SOP yang ditetapkan.
- 15.4. Sekiranya pelajar tidak dapat menduduki peperiksaan, pelajar perlu memaklumkan kepada Ketua Unit Peperiksaan dan Penilaian (UPP) kolej dengan menyerahkan surat permohonan rasmi bersama justifikasi tidak dapat menduduki peperiksaan. Ketua UPP akan memberi maklumbalas kepada pelajar berkenaan status permohonan.
- 15.5. Pengurusan ujian, penilaian berterusan dan peperiksaan perlu mengikut Garis Panduan dan SOP yang ditetapkan.

16. MENJALANI LATIHAN INDUSTRI

- 16.1 Pelajar KPM **dibenarkan** menjalani latihan industri tertakluk kepada SOP yang berkuatkuasa dan dilaksanakan seperti berikut:
 - 16.1.1 pelajar KPM **WAJIB** mengikut latihan industri di syarikat atau industri sepanjang tempoh latihan tersebut;
 - 16.1.2 mod pelaksanaan latihan industri adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan

dalam Buku Panduan Pengendalian Latihan Industri Kolej Profesional MARA; dan
16.1.3 projek berasaskan industri sebagai penilaian alternatif adalah tidak dibenarkan.

17. PEMATUHAN KEPADA SOP SEPANJANG BERADA DI KOLEJ

- 17.1 Pelajar wajib mematuhi SOP yang ditetapkan selaras dengan Garis Panduan Kemasukan Pelajar KPM dan KM Sesi 2022/2023 dan peraturan dalaman kolej.
- 17.2 Pelajar dan waris perlu diberikan maklumat berkaitan dengan SOP melalui pelbagai kaedah yang sesuai seperti infografik, poster atau mesej melalui aplikasi WhatsApp di kolej masing-masing.
- 17.3 Kolej perlu menyelaraskan strategi pemantauan dan penguatkuasaan pematuhan SOP dengan melibatkan pemimpin pelajar, pengurusan kolej dan agensi yang berkaitan.
- 17.4 Ketidakpatuhan pelajar terhadap SOP boleh diambil tindakan berdasarkan peruntukan di bawah Peraturan Tatatertib Siswa KPM dan KM 2021.
- 17.5 Kolej perlu mempamerkan / hebahan / kempen berkaitan dengan pematuhan SOP untuk rujukan dan peringatan pelajar dari semasa ke semasa.

18. LAIN-LAIN PERKARA

- 18.1 Pelajar KPM dan KM dikehendaki menunjukkan Sijil Digital Vaksinasi di dalam aplikasi MySejahtera jika diarahkan oleh pihak kolej.
- 18.2 Kemasukan pelajar KPM dan KM yang tidak lengkap vaksin atau tidak divaksin adalah DIBENARKAN.
- 18.3 Pelajar KPM dan KM yang mempunyai gejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah bernafas WAJIB membuat ujian saringan COVID-19 secara sendiri dan juga dirujuk untuk mendapatkan rawatan jika bergejala semakin teruk.
- 18.4 Melaporkan keputusan ujian dalam aplikasi MySejahtera sekiranya positif COVID-19.
- 18.5 Menjalani pengasingan berdasarkan ketetapan KKM sekiranya positif COVID-19.
- 18.6 Pelajar KPM dan KM DIKEHENDAKI sentiasa:
 - 18.6.1 mengelakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang Dekat);
 - 18.6.2 mengamalkan 3W (Wash, Wear and Warn);
 - 18.6.3 memakai pelitup muka ketika di dalam bangunan; dan
 - 18.6.4 menggunakan sabun dan air atau pensanitasi tangan secara kerap.
- 18.7 Penggunaan fasiliti guna sama di asrama dan kolej PERLU sentiasa dipantau oleh pihak KPM dan KM bagi memastikan SOP diikuti oleh pelajar.
- 18.8 Memastikan bilik PdP dan asrama terutamanya di ruang tertutup mempunyai pengudaraan dan sistem ventilasi yang baik dan dalam keadaan yang bersih.
- 18.9 KPM dan KM PERLU memastikan proses pembersihan dan nyah kuman dilaksanakan jika terdapat kes positif COVID-19 di kolej atau asrama.

PENUTUP:

- (i) Dengan berkuatkuasanya Garis Panduan Kemasukan Pelajar Kolej Profesional MARA (KPM) dan Kolej MARA (KM) Sesi 2022/2023 ini, (i) Garis Panduan Kemasukan Pelajar Kolej Profesional MARA (KPM) Sesi 3 2021/2022 Pengambilan November [MARA.600-3/1/2 JLD9(78)] bertarikh 13 Disember 2021 dan (ii) Garis Panduan Kemasukan Pelajar Kolej MARA (KM) pada Sesi 2022 bertarikh 29 Disember 2021 adalah dengan ini **DIBATALKAN**.
- (ii) Pelaksanaan Garis Panduan Kemasukan Pelajar Kolej Profesional MARA (KPM) dan Kolej MARA (KM) Sesi 2022/2023 ini diharap dapat membantu pengurusan kolej beroperasi dengan lancar.
- (iii) Semua kolej hendaklah patuh kepada peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan ini. BPT akan memantau pelaksanaan pengurusan kolej bagi memastikan pematuhan kepada garis panduan ini.

Sebarang maklumat atau pertanyaan lanjut, sila hubungi:

- (i) Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar (HEP) di KPM dan KM masing-masing; atau
- (ii) Seksyen Pembangunan Siswa (SPS) Bahagian Pendidikan Tinggi MARA (BPT) di talian 03-261 34074 / 34075 / 34076 / 34077.

Dokumen ini akan dikemaskini berdasarkan arahan terkini pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

**BAHAGIAN PENDIDIKAN TINGGI
MARA
10 NOVEMBER 2022**

LAMPIRAN

HIDUP BERSAMA VIRUS COVID-19

Amalkan Kaedah 'TRIIS' Sebagai Kebiasaan Baharu

1 Test (Uji)

Segera lakukan ujian pengesanan COVID-19 secara sendiri sekiranya mengalami gejala jangkitan seperti hidung berair, demam atau batuk.

2 Report (Lapor)

Laporkan keputusan ujian pengesanan sendiri (negatif, positif, atau tidak sah) secepat mungkin di aplikasi MySejahtera.

4 Inform (Maklum)

Maklumkan kepada semua kontak rapat anda dan laporkan kepada pihak berkuasa kesihatan melalui MySejahtera, semua kontak rapat anda dalam masa tiga hari sebelum ujian saringan dibuat.

3 Isolate (Asing)

Lakukan pengasingan sendiri dengan segera dan berdisiplin sekiranya anda positif COVID-19. Patuhi Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO) serta tatacara isolasi sendiri.

5 Seek (Dapatkan rawatan)

Dapatkan penilaian atau rawatan segera di CAC atau fasiliti perubatan yang berhampiran sekiranya gejala bertambah teruk atau ada sebarang tanda amaran COVID-19 seperti sesak, sakit dada atau demam yang berpanjangan.

comms@moh

moh.gov.my

#ReopeningSafely

PENJAGAAN DIRI SEMASA MENJALANI ISOLASI UNTUK COVID-19

Kekal berada di bilik dan pastikan bilik anda mempunyai pengudaraan yang baik

Ambil Parasetamol (Paracetamol) jika demam

Minum air yang mencukupi sepanjang hari

Sekiranya mempunyai oxymeter, pantau tahap oksigen dalam darah. Paras normal adalah 95% - 100%

Banyakkan berehat

Kemas kini status kesihatan anda dalam MySejahtera melalui Home Assessment Tool (HAT) dua kali sehari.

Sila pergi ke CAC/hospital terdekat jika gejala anda bertambah teruk ATAU panggil 999 dalam kes kecemasan

moh.gov.my

#ReopeningSafely

VAKSI COVID-19
**LINDUNG DIRI,
LINDUNG SEMUA.**

MELAPORKAN KONTAK RAPAT DI DALAM APLIKASI MYSEJAHTERA

Lakukan tanggungjawab anda untuk memutuskan rantaian COVID-19

- Bagi mereka yang disahkan positif COVID-19 anda akan mendapat satu pesanan untuk menyenaraikan kontak rapat anda melalui aplikasi MySejahtera
- Tekan pautan yang diberi dan masukkan maklumat yang diminta

Putuskan Rantaian COVID-19



PROSEDUR PENGURUSAN KONTAK RAPAT KEPADA KES COVID-19



Berkuatkuasa 22 April 2022

KONTAK RAPAT TANPA MENGIRA STATUS VAKSINASI

Status Kesihatan	Kuarantin	Keperluan Ujian Pengesanan COVID-19	Amalkan Langkah Pencegahan	Pelepasan Kuarantin
Tidak Bergejala	TIADA	TIADA	Dalam tempoh 5 hari dari hari terakhir pendedahan kepada kes positif COVID-19	Tidak berkenaan
Bergejala	Digalakkan untuk kuarantin sendiri	Digalakkan melakukan ujian RTK-Ag sendiri pada hari gejala bermula dan hari ketiga	Jika keputusan ujian RTK-Ag sendiri adalah negatif dan gejala berkurangan, boleh melakukan aktiviti-aktiviti luar dengan mengamalkan langkah-langkah pencegahan	

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN:



Sentiasa memakai pelitup muka apabila keluar dari rumah



Elakkan berada di tempat yang sesak



Memastikan pengudaraan yang baik



Elakkan daripada melawat kumpulan berisiko tinggi



Membuat perjalanan yang penting (essential) sahaja



Bersama Hentikan Wabak COVID-19 moh.gov.my

Dikemaskini: 21 April 2022